

## BAB 7.

### KESIMPULAN

Kajian ini telah dapat membuktikan bahawa teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Kristeva seperti yang diterangkan sebelum ini mampu diaplikasikan terhadap karya kesusasteraan Melayu tradisional, khususnya genre pantun Melayu.

Melalui analisis juga, kita telah dapat menyaksikan yang pengarang pantun Melayu menjadikan al-Quran sebagai sumber utamanya. Dari aspek intertekstualiti, pengarang pantun telah menggunakan prinsip transformasi, modifikasi, haplologi dan parelal seperti yang telah dibicarakan.

Di sini prinsip transformasi sama ada secara formal atau secara abstrak adalah merupakan prinsip intertekstualiti yang paling dominan. Dari perspektif intertekstualiti, proses transformasi itu adalah proses pengambilan daripada teks-teks lainnya untuk dimasukkan ke dalam teks baru.

Pengkaji berpendapat bahawa istilah yang dicipta tentang prinsip intertekstualiti ini saling bertindih. Hal sedemikian ditegaskan kerana sudah menjadi lumrah bahawa setiap pengambilan akan berlakunya penyesuaian dalam penciptaan sesuatu karya sastera.

Walau bagaimanapun, pengkaji berpuas hati terhadap cadangan kajian ini kerana telah nyata dapat dibuktikan yang wujudnya proses intertekstualiti di dalam pantun Melayu.

Oleh kerana orang Melayu telah menerima Islam sebagai cara hidup, maka sumbernya adalah al-Quran, iaitu kitab Allah yang merupakan landasan terbaik sebagai rujukan.

Di samping itu perlu ditegaskan juga bahawa genre pantun sentiasa dapat disesuaikan kehadirannya sepanjang zaman. Bermakna dalam hal penciptaan pantun, pengarangnya sentiasa kreatif untuk menghasilkan karya yang mantap dan sesuai dengan matlamatnya. Sebagai genre yang komunikatif sifatnya itu dilihat sentiasa segar dan subur kerana dapat disesuaikan kehadirannya dalam apa jua situasi.

Sebagai genre yang kolektif sifatnya, maka ia terus-menerus berkomunikasi dengan masyarakatnya. Pengarangnya sentiasa peka dengan situasi semasa dan dalam hal tersebut mereka telah dapat mengungkap pengalaman lalu dieksplorasi idea yang kreatif lagi inovatif untuk menghasilkan karya yang dapat disambut oleh khalayak dengan baiknya.

Shahnon Ahmad (1981:51) ada menyatakan bahawa kesusasteraan yang dituntut oleh Islam bukan saja jelas peranannya tetapi kaedah penyampaiannya juga tidak menyesatkan fikiran pencipta dan pembaca atau pendengarnya. Islam juga memastikan tiga ciri penting dalam kesusasteraan, iaitu keindahan, kebenaran dan kebaikan.

Menurutnya lagi, Islam memastikan kebebasan daya cipta seseorang sasterawan supaya daya cipta itu benar-benar dimanfaatkan dalam erti kata yang sebenar; tidak terbuang secara sia-sia begitu sahaja. Kesusasteraan perlu

kembali kepada soal pokok dalam hubungan dengan Islam dan sekaligus hubungan dengan manusia.

Oleh yang demikian, genre puisi tradisi ini mempunyai keunikan yang tersendiri dan amat menarik untuk dikaji secara saintifik.

Tegasnya seseorang pengarang pantun Melayu itu adalah terdiri daripada golongan berilmu dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi lantas mampu menghasilkan karya yang bermutu untuk manfaat masyarakatnya.

Walaupun pantun-pantuq yang telah dibincangkan ini menunjukkan bahawa corak pengucapan pantun yang bersifat umum dan tidak mendalam dalam persoalan keagamaan tetapi setidak-tidaknya mesej daripada al-Quran dapat juga disampaikan kepada khalayaknya. Ini sesuai dengan genre yang berbentuk satu idea satu rangkap dan daerah kegunaannya adalah berkisar di kalangan masyarakat kelas biasa. Pemantun cuba menyampaikan idea dan mesej keagamaan yang tersirat maksudnya melalui penggunaan kata-kata Allah, nabi, sembahyang, haji, syurga dan lain-lain namun kesannya terbatas untuk menghuraikan isi secara tersurat.

Pengetahuan yang lebih mendalam tentang persoalan agama dapat diperolehi daripada tuan guru atau ustaz, iaitu orang yang berwibawa untuk menyampaikan ilmu agama.

Di samping itu di dalam kehidupan manusia terdapat pelbagai sumber pengetahuan. Alam secara khususnya merupakan sumber pengetahuan tersebut dan kesan interaksi manusia dengan alam khususnya alam tabi'i atau alam lahiriah melahirkan pelbagai pengalaman kehidupan.

Namun demikian, manusia juga berinteraksi dengan alam yang tidak nyata (ghaib) atau alam batiniah. Interaksi tersebut juga melahirkan pelbagai ilmu pengetahuan seperti mana yang terdapat di dalam sistem kepercayaan dan agama manusia.

Interaksi dengan alamnya juga mengukuhkan tanggapan serta keyakinan akan kemahabesaran dan kemahakuasaan Tuhan yang mencipta alam di samping interaksi dengan alam ghaib menjelaskan hakikat kewujudan Tuhan yang menguasai alam maya ini. \*

Ini bermakna manusia Melayu yang sentiasa berinteraksi dengan alam itu telah memanfaatkan bahan-bahan alam di sekitar alam Melayu sebagai komponen dalam karya yang dihasilkan di samping sumber utamanya ialah al-Quran. Di sinilah nanti dapat dilihat tentang kenyataan bahawa sesuatu karya yang terhasil itu mempunyai teks-teks lain di dalamnya.

Hal ini tidak dapat dielakkan oleh pengarang kerana seseorang pengarang itu akan berkarya melalui tiga tahap iaitu, melalui pembacaan, pemahaman dan penulisan. Menurut Michael Riffaterre (1980:118-20), intertekstualiti adalah hasil pembinaan sebuah karya sastera yang mengandungi unsur-unsur luaran.

Pengalaman, ideologi dan aspirasi pengarang akan menghasilkan sesebuah karya baru daripada pengalaman, pembacaan, penontonan dan seumpamanya. Secara sedar atau tidak, unsur-unsur luaran yang diperolehi oleh pengarang dalam pembacaan, pemahaman dan interpretasi akan mempengaruhi

dalam penulisan karyanya. Proses ini dikatakan berlakunya pengaplikasian intertekstualiti di dalam karyanya.

Dalam hal penciptaan pantun, oleh kerana sifat asalnya sebagai puisi lisan, maka tahap berkaryanya itu disesuaikan melalui pemerhatian, pendengaran, pembacaan dan pengalaman. Pantun Melayu yang dimiliki secara kolektif ini akan berhasil secara terus-menerus dan turun-temurun tanpa perubahan secara nyata terutama dari segi maksudnya sama ada yang tersurat mahupun tersirat.

Jadi, tidak menghairankan apabila pantun-pantun Melayu yang dicipta pada zaman ini mempunyai maksud yang serupa atau hampir serupa dengan pantun dahulu tetapi sebagai memberi nafas baru, pembayangnya diubahsuai dengan aspirasi atau citarasa zaman ini. Soal kategori pantun dalam kumpulan pantun yang baik atau sebaliknya adalah suatu perkara lain, iaitu melibatkan konsep struktur pantun seperti jumlah perkataan, jumlah baris atau rimanya.

Untuk melihat unsur-unsur luaran yang mempengaruhi pengarang Melayu dalam penciptaan pantun yang bertemakan agama, misalnya dapat menyaksikan komponen maksud terutamanya itu diambil dari al-Quran, al-Hadith atau daripada sastera kitab terutamanya kitab-kitab tasawuf yang termashyur manakala aspek pembayangnya pula diambil daripada komponen alam serta budaya Melayu Nusantara.

Pengajaran yang terkandung di dalam pantun yang bertemakan agama ini sama ada secara tersurat mahupun tersirat amat tinggi falsafahnya dan ia

merupakan suatu bentuk media dakwah yang tidak boleh dinafikan peranannya dalam usaha perkembangan agama Islam di rantau ini.

Penulis berpendapat bahawa hal ini juga bertepatan dengan takrif karya Agung Melayu oleh Yayasan Karyawan, iaitu karya Agung Melayu ialah karya yang tertulis dalam bahasa Melayu, dari mana-mana daerah dunia Melayu yang mampu mencetuskan, dalam bentuk dan gaya yang luar biasa, unsur-unsur pemikiran, sistem nilai dan kepercayaan, falsafah atau pandangan hidup bangsa Melayu turun-temurun.

Jelasnya, karya Agung Melayu merupakan budaya kesusasteraan bangsa Melayu (Yayasan Karyawan, 2000:10) dan ciri-ciri khusus karya Agung Melayu dilihat daripada aspek berikut:

- i. Lambang dan pesanan yang hendak disampaikan.
- ii. Nilai budaya atau pandangan hidup.
- iii. Nilai ilmu.
- iv. Teknik kepenggarangan.
- v. Seni bahasa.

Berdasarkan ciri-ciri di atas, pemilihan pantun dalam kajian ini sesuai dengan konsep dan nilai yang disebutkan. Dengan demikian, pantun-pantun dalam kajian ini, iaitu pantun yang bertemakan agama tersebut telah menyampaikan mesej yang sesuai dengan nilai dan pandangan semesta.

Tidak hairanlah bagi pengkaji-pengkaji barat yang terus-menerus mengkaji dan menghayati pantun Melayu kerana bagi mereka di samping

menambah khazanah kesusasteraan, mereka berjaya mengungkap pemikiran masyarakat Melayu.

Usaha kajian yang dilakukan ini adalah merupakan suatu cara untuk melihat maksud-maksud yang terkandung dalam pantun Melayu khasnya pantun yang bertemakan keagamaan itu berhasil daripada sumber yang dapat dipertanggungjawabkan, iaitu melihat kehadiran teks-teks luaran tersebut.

Oleh yang demikian, proses intertekstualiti yang berlaku dalam penciptaan pantun amat jelas.